

## JAWATANKUASA TERTINGGI INSTITUSI HAL EHWAL ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN

### PANDANGAN AWAL

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Ini adalah pandangan awal saya kepada JTIHEIPP berdasarkan terma rujukan yang berbunyi:

*“Fungsi Jawatankuasa ini antaranya adalah untuk mengkaji kedudukan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, latar belakang penubuhan, bidang kuasa, serta keberkesanan agensi-agensi agama yang sedia ada termasuk agensi perundangan dan penghakiman Syariah di peringkat Persekutuan.”*

Saya hanya akan menyentuh mengenai “....bidang kuasa....**agensi perundangan dan penghakiman Syariah di peringkat Persekutuan.**”

Jika “penghakiman Syariah” itu merujuk kepada mahkamah syariah, perlu dijelaskan bahawa, pertama, mahkamah syariah bukanlah mahkamah Persekutuan. Ia adalah mahkamah bagi Wilayah Persekutuan, sama seperti mahkamah syariah di negeri-negeri. Oleh itu kedudukan Ketua Hakim Syarie, Wilayah Persekutuan tidak boleh disamakan dengan Ketua Hakim Negara.

Kedua, bidang kuasa mahkamah syariah telah pun ditetapkan oleh Perlembagaan. Penterjemah Perlembagaan adalah Mahkamah Persekutuan. Jawatankuasa ini bukanlah tribunal yang sesuai untuk berhujah mengenai bidang kuasa mahkammah syariah dan mahkamah sivil. Tempatnya adalah di Mahkamah Persekutuan. Dengan hormat, saya tidak fikir jawatankuasa ini mempunyai kepakaran untuk membuat cadangan pindaan Perlembagaan mengenai bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Ia juga di luar terma rujukan Jawatankuasa ini. Maka, isu mengenai bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil eloklah tidak dibincang oleh jawatankuasa ini.

Buku Konflik dan Pengharmonian adalah mengenai isu ini.

Saya ingin menyebut dua perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan yang, ada kalanya disebut-sebut sebagai terletak di bawah bidang kuasa negeri dan patut dipindahkan kepada negeri. Dua perkara itu adalah:

1. Perbankan Islam, kewangan Islam dan takaful;
2. Pensijilan halal.

**Perbankan Islam, Kewangan Islam dan Takaful**

Perbankan Islam dan kewangan Islam terletak di bawah kuasa Persekutuan sebab *subject mattemya* adalah perbankan dan kewangan yang terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan, sedangkan “Islam” atau “konvensyional” adalah jenisnya. Demikian juga dengan takaful. Ia adalah satu jenis “insurance”.

Dalam tahun 2002, saya telah menyediakan satu kertas kerja bertajuk “Cadangan Mewujudkan Bahagian Muamalat di Mahkamah Tinggi: Satu Ulasan”. Dalam kertas kerja itu saya membuat satu analisis jika timbul isu syariah di mahkamah sivil, mahkamah atau tribunal manakah yang patut memutuskannya?

Saya membuat kesimpulan bahawa tribunal yang paling sesuai memutuskannya ialah Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara bagi perbankan Islam dan takaful. (Ini diikuti dengan Majlis Penasihat Syariah, Suruhajaya Sekuriti bagi kewangan Islam.) Cadangan ini telah dijadikan undang-undang.

Ia berjalan dengan baik dan dipuji di seluruh dunia. Saya minta biarkanlah ia di situ, jika tidak, saya khawatir pembangunan berbankan Islam, kewangan Islam dan takaful akan terbantut. Untuk mengetahui sebab-sebabnya sila rujuk:

1. Cadangan Mewujudkan Bahagian Mu'amalat di Mahkamah Tinggi: Satu Ulasan (09 02 2002);
2. Perbankan Islam dan Takaful: Forum Untuk Penyelesaian Isu Undang-Undang dan Hukum Starak. (17 06 2009)
3. Malaysia As An Islamic Finance Hub: Malaysian Law As The Law Of Reference And Malaysian Courts As The Forum For Settlement Of Disputes. (07 12 2011)

### **Pensijilan Halal**

Demikian juga dengan pensijilan halal. Ia adalah satu perihal dagangan yang terletak di bawah bidangkuasa Persekutuan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Kekeliruan ini boleh dilihat dengan jelas jika kita merujuk kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Seksyen 42 memperuntukkan kesalahan bagi penyalahgunaan tanda halal. Peruntukan itu tidak sepatahnya berada di situ. Ia terletak dalam bidang kuasa Persekutuan. Semua urusan mengenai pensijilan halal hendaklah dilaksanakan oleh kementerian berkenaan.

Untuk mengetahui selanjutnya, sila rujuk:

1. Pembangunan Industri Halal di Malaysia Daripada Sudut Perundangan (29 07 2015)
2. Pengeluaran Sijil Halal Dalam Bidang kuasa Persekutuan (17 08 2018)

## **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia**

Jawatankuasa ini kerap kali disebut sebagai Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) dan keputusannya dilaporkan oleh akhbar-akhbar sebagai fatwa JFK. Ini memberi gambaran seolah-olah JFK adalah satu jawatankuasa fatwa yang ditubuh oleh undang-undang dan sama seperti Jawatankuasa Fatwa/Syariah di negeri-negeri (di Wilayah-Wilayah Persekutuan (WP) ia dipanggil Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (JPHS)).

Ini adalah satu kesilapan. JFK hanyalah satu jawatankuasa yang ditubuh secara pentadbiran dan keputusannya bukanlah fatwa. Perlu diingati bahawa di WP, badan yang berkuasa mengeluarkan fatwa ialah JPHS, bukan JFK. Elok juga diambil ingatan bahawa Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti ditubuh oleh undang-undang Persekutuan.

Ini membawa saya kepada perenggan 4(k) Senarai I, (Senarai Persekutuan) yang berbunyi:

*“(k) Ascertainment of Islamic law and other personal laws for purposes of federal law;”*  
Terjemahannya:

*“(k) Penenetuan hukum Syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang Persekutuan;”*

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti telah ditubuh di bawah peruntukan ini. Ia juga boleh digunakan untuk menubuh Majlis Fatwa Persekutuan (atau apa-apa nama yang sesuai) bagi menentukan hukum syarak bagi maksud undang-undang Persekutuan. Kita telah pun melakukannya bagi perbankan dan kewangan Islam dan takaful. Kita boleh “legalise” JFK dibawah peruntukan ini dengan mengadakan satu akta yang mungkin boleh diberi nama Akta Majlis Fatwa Persekutuan atau sebagainya. Isu-isu syariah mengenai industri halal boleh dirujuk kepadanya.

Tetapi, bidang kuasa Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti bagi memutuskan isi-isu syariah dalam perbankan dan kewangan Islam dan takaful hendaklah dikekalkan.

### **JAKIM**

Saya pohon maaf kerana saya akan memberi pandangan yang kritikal terhadap JAKIM. Jika semuanya elok tidak perlulah ditubuh jawatankuasa ini. Saya hanya akan menyebut beberapa perkara. Yang saya tidak sebut itu sama ada baik, saya tidak tahu apa yang tidak baik mengenainya atau saya tidak tahu langsung mengenainya.

JAKIM bukanlah satu institusi yang ditubuh oleh undang-undang. Tetapi, itu **tidak** bererti ia satu institusi yang tak sah disisi undang-undang (unlawful). Banyak jabatan ditubuh oleh kerajaan secara pentadbiran untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Masalah timbul apabila ia nampak mengambil sesuatu tindakan undang-undang yang kita tidak tahu undang-undang mana yang memberi kuasa kepadanya.

Saya akui saya tidak tahu latar belakang dan tujuan asal penubuhannya. Tetapi, sebagai satu jabatan pentadbiran, bidang tugasnya (bukan bidang kuasanya) sepatutnya hanya tertumpu kepada perkara-perkara pentadbiran berhubung dengan isu-isu hukum syarak dan menjadi penyelaras bagi jabatan-jabatan agama Islam dan Majlis Agama Islam negeri-negeri dalam isu-isu syariah.

Kita tahu JAKIM memang melakukan tugas tersebut, misalnya menyelaraskan undang-undang mengenai hukum syarak di negeri-negeri. Tetapi, apabila kita membaca pegawai-pegawai JAKIM membuat serbuan dan menangkap tertuduh atas kesalahan-kesalahan tertentu, kita mula bertanya dari mana ia mendapat kuasanya, atau, jika ada pun, sama ada ia telah mengambil alih tugas Jabatan Agama Islam WP.

Perlu diingati bahawa JAKIM bukanlah Jabatan Agama Islam WP (seperti Jabatan Agama Islam di negeri-negeri) mahupun Majlis Agama Islam WP. WP mempunyai Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islamnya sendiri. Penguatkuasaan undang-undang syariah hendaklah dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Islam WP. WP juga mempunyai Muftinya dan JPHSnya. Maka segala urusan dan penguatkuasaan undang-undang syariah WP hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam WP.

JAKIM juga tidak sepatutnya menganggap bahawa segala-gala yang berjenama Islam hendaklah dirujuk kepadanya dan perlu mendapat kelulusan atau cop “patuh syariah” daripadanya dan bahawa ia mengetahui semua perkara yang berjenama Islam. Dalam bidang perbankan Islam, kewangan Islam dan takaful, misalnya, kepakaran pegawai-pegawai di Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti adalah jauh lebih tinggi daripada pegawai-pegawai JAKIM yang tidak terdedah kepada aspek praktikal perbankan Islam dan konvensional, kewangan Islam dan konvensional, takaful dan insurance konvensional.

### **Draf Rang Undang-Undang Sewa dan Beli Islam**

Sekali lagi saya memohon maaf kerana hendak menceritakan pengalaman saya berkenaan cadangan mengadakan undang-undang sewa dan beli Islam.

Semenjak saya menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam tahun 1990an, saya sudah terlibat dalam perbincangan untuk mengadakan undang-undang sewa dan beli Islam. Dalam tahun 2001, saya dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal Peringkat Persekutuan yang terletak di bawah JAKIM. Jawatankuasa itu berbincang mengenai draf

undang-undang itu. Saya sedar bahawa jawatankuasa itu tidak mempunyai kepakaran yang cukup mengenainya. Draf itu terbengkalai.

Dalam taun 2010, saya dilantik oleh Bank Negara sebagai Pengurus, Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang Sivil dan Syariah. Salah satu daripada projek kami iadalah untuk menyediakan draf rang undang-undang berkenaan. Dalam jawatankuasa itu, terdapat penasihat syariah, peguam, wakil industry, pegawai-pegawai Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti dan seorang pegawai Jabatan Peguam Negara khas untuk membantu penggubalan.

Kami membuat kunjungan ke KPDNKK untuk mendapat sokongan mereka. Kami beritahu bahawa kami akan menyediakan draf undang-undang itu. Tugas KPDNKK hanya untuk mengemukakannya kepada Jabatan Peguam Negara secara rasmi untuk menyediakan rang undang-undang yang muthakhir untuk dikemukakan kepada Kabinet. Kertas Kabinet pun kami boleh bantu menyediakannya.

Malangnya, ia tersangkut beberapa tahun di KPDNKN kerana pegawainya hendak mengkajinya, kemudian kami dipanggil untuk memberi taklimat beberapa kali sedangkan isu yang dibangkitkan hanya mengenai format, bukan substantif, walaupun kami terangkan bahawa formatnya akan ditetapkan oleh Penggubal Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara.

Selepas itu, pegawai bertukar dan proses itu berulang semula. Setelah diam beberapa lama, kami pergi jumpa Menteri. Kami beritahu kepadanya, ini bukan satu keadaan di mana pihak industry tidak mahu dikawal, tetapi kerajaan yang hendak mengawalnya. Sebaliknya, industry itu sedang berjalan tanpa *guidelines* dan tanpa kawalan dan nilai industri itu adalah sebanyak RM60 billion. Pihak industry sendiri yang meminta kerajaan membuat *guidelines* dan mengawalnya supaya ia patuh syariah dengan membuat undang-undang dan mereka sanggup menghantar pegawai-pegawai mereka untuk duduk bersama-sama kami bagi menggubalnya. Setelah siap kami meminta kementerian mengemukakannya secara rasmi kepada Jabatan Peguam Negara dan selepas itu kepada Kabinet untuk kelulusan. Kami juga menekankan, walau pun kita sudah terlambat, jika kita membuat undang-undang itu, Malaysia akan menjadi negara pertama di dunia melakukannya.

Selepas itu kami dipanggil untuk menghadiri satu mesyuarat. Buat kali pertama, seorang pegawai JAKIM dijemput. Beliau bertanya mengapa tidak digunakan draf Jawatankuasa Teknikal JAKIM?

Kami bertanya adakah draf itu lengkap? Apa bezanya dengan draf kami? Di mana salahnya draf kami? Adalah nyata beliau sendiri tidak membacanya apatah lagi memahaminya. Mesyuarat ditangguh untuk memberi peluang kepada JAKIM mengkajinya dan memberi pandangannya. Selepas itu tidak ada apa yang berlaku, saya pun sakit dan jawatankuasa yang saya pengerusikan itu pun telah dibubarkan. Wallahu a'lam.

Eloklah saya berhenti setakat ini. Untuk memudahkan sekretariat, saya melampirkan rujukan-rujukan yang saya sebut dalam kertas ini.

Sekian.

24 09 2018

[tunabdulhamid@gmail.com](mailto:tunabdulhamid@gmail.com)  
<http://www.tunabdulhamid.my>  
<https://tunabdulhamid.me>